HO WAI SENG & SATU LAGI

lwn.

JOHARI ABAS & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
HASHIM YUSOFF H
[GUAMAN SIVIL NO: S3-22-168-1995]
8 MAC 2000

PROSEDUR SIVIL: *Kos - Permohonan untuk kajian semula keputusan taksiran Penolong Pendaftar Kanan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 59 k. 36(2) - Permohonan dibuat sebelum Sijil Pendaftar dikeluarkan - Samada permohonan dibuat pra masa - Samada permohonan untuk memfailkan semula patut dibenarkan*

Di dalam kes ini, plaintif telah membuat suatu permohonan dalam saman kandungan (49) untuk mengkaji semula keputusan taksiran yang dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar di bawah A. 59 k. 36(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Defendan kedua memfailkan satu bantahan awal bahawa kandungan (49) telah dibuat pra masa dan oleh itu adalah diluar A. 59 k. 36(2) KMT.

Diputuskan:

[1] Mengikut A. 59 k. 36(2) KMT dibaca bersama dengan A. 59 k. 36(5), suatu sijil pendaftar mesti wujud dahulu sebelum hakim boleh meminda sijil tersebut. Di dalam kes ini, sijil pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Oleh itu, semasa permohonan kandungan (49) dibuat pada 16 September 1999 sijil pendaftar masih belum wujud lagi dan sekiranya didengar, tidak ada sijil yang boleh diubah atau dipinda oleh hakim.

[2] Aturan 59 k. 36(2) KMT antara lain membenarkan mahkamah melanjutkan masa untuk permohonan sebegini. Demi keadilan, defenden kedua tidak akan diprejudis jika permohonan untuk memfailkan semula dibenarkan kerana plaintif hanya bertindak terlalu awal dalam memfailkan kandungan (49).

[Bantahan awal ditolak & permohonan baru dibenarkan untuk difailkan dalam masa 14 hari.]

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 59 kk. 36(2), (5)

Bagi pihak plaintiff - CC Low; T/n Lim Kian Leong & Co
Bagi pihak defendan kedua - Roslan @ Malcolm Murphy; T/n Cheah Teh & Su

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Hashim Yusoff H:

Saman kandungan (49) ialah permohonan plaintiff kepada hakim untuk mengkaji semula keputusan taksiran yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar di bawah A. 59 k. 36(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Peguam defendan kedua memfailkan satu bantahan awal terhadap kandungan (49) yang dikatakan telah dibuat oleh plaintiff secara pra masa dan oleh itu adalah di luar A. 59 k. 36(2).

Aturan 59 k. 36(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi memperuntukkan:

> 2. An application under this rule for review of the Registrar's **decision** in respect of any item **may be made at any time within 14 days**, or such longer time as the registrar **at the time when he signs the certificate or the court at any time, may allow**.

Peguam plaintiff berhujah bahawa permohonan ini boleh dibuat dalam masa 14 hari daripada keputusan penolong pendaftar kanan dan bukan daripada tarikh penolong pendaftar kanan menandatangani sijil tersebut.

Dalam kes semasa penolong kanan pendaftar telah membuat keputusan pada 13 September 1999. Alasan Penghakiman atau sijil penolong kanan pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Tetapi permohonan ini (kandungan 49) telah difailkan oleh peguam plaintiff pada 16 September 1999 iaitu sebelum sijil/alasan penghakiman penolong kanan pendaftar dikeluarkan.

Aturan 59 k. 36(2) perlu dibaca bersama dengan A. 59 k. 36(5) yang memperuntukkan:

> On application under this rule the Judge may make such order as the circumstances require, and in particular may order the Registrar's certificate to be amended or, except where the dispute as to the item under review is as to amount only, order the item to be remitted to the Registrar for taxation.

Ini bererti suatu sijil pendaftar mesti wujud dahulu sebelum hakim boleh meminda sijil tersebut. Di dalam kes semasa sijil pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Oleh itu semasa permohonan kandungan (49) ini dibuat pada 16 September 1999 sijil pendaftar masih belum wujud lagi dan sekiranya didengar, tidak ada sijil yang boleh diubah/pinda oleh hakim.

Namun begitu peguam plaintif juga memohon jika mahkamah membenarkan bantahan awal peguam defendan kedua ini, supaya plaintif dibenarkan membuat permohonan yang baru. Aturan 59 k. 36(2) antara lain membenarkan mahkamah melanjutkan masa untuk permohonan sebegini. Demi keadilan, saya rasa defendan kedua tidak akan diprejudis jika permohonan untuk memfailkan semula ini dibenarkan kerana plaintif hanya bertindak terlalu awal dalam memfailkan kandungan (49) ini.

Berdasarkan sebab-sebab di atas, bantahan awal peguam defendan kedua dibenarkan dan kandungan (49) ditolak dengan kos dalam kausa dan peguam plaintif dibenarkan memfailkan permohonan baru dalam masa 14 hari daripada hari ini.